

**Malaysia Dan China Meterai Perjanjian Persefahaman Jenayah Rentas Sempadan
Bernama
2 Ogos, 2012**

PUTRAJAYA, 2 Ogos (Bernama) -- Malaysia dan China Khamis, menandatangani perjanjian persefahaman mengenai usaha memerangi jenayah rentas sempadan dalam satu majlis yang berlangsung di Beijing, China.

Malaysia diwakili Menteri Dalam Negeri Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein manakala China diwakili rakan sejawatannya Meng Jianzhu.

Menurut Hishammuddin perjanjian itu antara lain menyentuh kerjasama dalam empat bidang utama iaitu penguatkuasaan undang-undang, latihan penguatkuasaan undang-undang, penyelidikan saintifik serta pertukaran teknologi.

"Perjanjian turut menyentuh soal kerjasama dalam isu-isu berkaitan keganasan, pengubahan wang haram dan pembiayaan kepada keganasan, pemerdagangan manusia, penyeludupan manusia, pemalsuan dokumen-dokumen berkaitan imigresen, penipuan telekomunikasi dan jenayah siber," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Beliau berkata perjanjian tersebut turut memperlihatkan komitmen berterusan negara dalam menjalin kerjasama erat terutamanya dengan agensi-agensi penguatkuasaan asing.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=685211>

